

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA,  
PENGGAL KEDUA, PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' ROSOL BIN WAHID  
[HULU TERENGGANU]**

**TARIKH : 20 NOVEMBER 2019 (RABU)**

**SOALAN**

minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan apakah strategi Kementerian dalam memastikan usahawan Bumiputera mendapat manfaat dalam pelaksanaan Dasar Keusahawanan Nasional (DKN) 2030.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) telah melancarkan Dasar Keusahawanan Nasional 2030 (DKN2030) pada 11 Julai 2019 yang lalu. Perancangan dan formulasi strategi di bawah DKN2030 telah dirangka dengan mengambil kira faktor jangka pendek, sederhana dan panjang bagi menyusun rancangan pelaksanaan yang berkesan ke arah mencapai hasrat Negara Keusahawanan Unggul menjelang tahun 2030.
2. DKN2030 turut memberi tumpuan khusus kepada perancangan strategi dan inisiatif untuk membangunkan usahawan Bumiputera dan meningkatkan lagi penyertaan Bumiputera dalam sektor perniagaan dan perusahaan. Kerajaan akan memastikan usahawan Bumiputera mendapat manfaat melalui pelaksanaan DKN2030 ini, melalui strategi-strategi dan inisiatif-inisiatif, di antaranya seperti berikut:

## NO. SOALAN : 19

- (i) menyediakan pelbagai sokongan dan platform dalam bentuk program dan bantuan berstruktur serta insentif pembiayaan bagi menarik minat Bumiputera untuk terlibat secara serius dalam bidang keusahawanan dan latihan keusahawanan bagi meningkatkan keupayaan dan kemahiran keusahawanan Bumiputera;
- (ii) memperkukuhkan pelaksanaan Program Pembangunan Vendor (PPV) dengan mewujudkan vendor berbilang tingkat (*multiple tier*) dalam kalangan usahawan Bumiputera. Melalui program PPV ini akan meningkatkan dan memantapkan keupayaan dan prestasi usahawan Bumiputera untuk melonjakkan mereka ke tahap yang lebih tinggi;
- (iii) usaha juga akan dipergiat untuk mendapatkan penglibatan lebih banyak *anchor* dari kalangan *Government-Linked Company* (GLC), *Multinational Company* (MNC), *Public Limited Company* (PLC) dan sebagainya untuk membantu membangunkan vendor-vendor Bumiputera bagi membuka peluang kepada vendor-vendor ini terlibat dalam rantai bekalan mereka; dan
- (iv) memudahcara serta menggalakkan usahawan Bumiputera untuk menceburi sektor baharu dan berpotensi tinggi.

3. Selain itu, tumpuan juga diberikan untuk meningkatkan pembinaan jatidiri dan minda kelas pertama serta *mindset* keusahawanan yang merupakan faktor utama bagi melahirkan usahawan yang berjaya dalam kalangan usahawan Bumiputera. Usahawan Bumiputera akan terus diperkasakan dengan penerapan pembangunan *capacity and capability* supaya berani mengambil risiko dan bersedia mengeluarkan perbelanjaan sendiri untuk meningkatkan prestasi dan mengembangkan perniagaan tanpa terlalu bergantung kepada bantuan Kerajaan.

Sekian, terima kasih.